

D642

R B406 DEB

AHMAD-MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 27 OGOS (BERNAMA) -- PRESIDEN CUEPACS, ENCIK AHMAD NOR HARI INI MENYIFATKAN KENYATAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TERHADAP CUEPACS DAN LIMA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (NJC) SEBAGAI TIDAK RASIONAL.

+BELIAU TIDAK SEPATUTNYA BERKATA BEGITU. KENYATAANNYA ITU TIDAK RASIONAL, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN TIGA HARI MENGENAI KECEKAPAN PERKIDMATAN AWAM DI MALAYSIA ANJURAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA POS (UPOW) DI SINI.

PERDANA MENTERI MENYELAR CUEPACS DAN KELIMA-LIMA BUAH MAJLIS BERSAMA ITU KERANA MAHU MENGISI POKET SENDIRI TANPA MENYEDARI BAHAWA TUGAS KERAJAAN IALAH BAGI MEMASTIKAN PEMBAGIHAN KEKAYAAN NEGARA MESTILAH DILAKUKAN DENGAN ADIL DAN SAKSAMA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING SETELAH MELAWAT SARAWAK SELAMA EMPAT HARI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGATAKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA UGUTAN OLEH MANA-MANA KUMPULAN, TERMASUK CUEPACS DAN KELIMA-KELIMA MAJLIS BERSAMA UNTUK TIDAK MENYOKONG BARISAN NASIONAL SEKIRANYA TUNTUTAN PELARASAN GAJI TIDAK DISELESAIKAN MENJELANG 1 JAN.

ENCIK AHMAD JUGA BERKATA PERDANA MENTERI TIDAK ADIL MENGATAKAN CUEPACS HANYA BERJUANG UNTUK KEPENTINGANNYA SENDIRI. -- LAGI.  
1514MST 27 08 85

AHMAD - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+YANG KAMI MINTA CUMA PELARASAN GAJI SUPAYA DAPAT MENINGKATKAN TARAF HIDUP KAKITANGAN AWAM, SAMA SEPERTI YANG DINIKMATI PADA 1980. BELIAU MENDAKWA SEJAK ITU NILAI GAJI KIAN MEROSOT DAN MENYULITKAN KAKITANGAN AWAM.

MENGENAI TUNTUTAN PELARASAN GAJI ITU, ENCIK AHMAD NOR BERKATA CUEPACS DAN NJC SANGGUP BERUNDING BAGI MENCAPAI PENYELESAIAN YANG ADIL.

+SAYA CUBA MENGHUBUNGI PERDANA MENTERI TETAPI TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN YANG PASTI. MUNGKIN BELIAU TERLALU SIBUK DENGAN URUSAN LAIN YANG LEBIH PENTING,+ KATANYA. -- BERNAMA.  
1521MST 27 08 85